

Perkembangan Tembikar Pra-Sejarah di Malaysia

oleh

ASYAARI BIN MUHAMAD*

Secara umumnya, tradisi pembuatan tembikar tanah di dunia merupakan salah satu tradisi yang tertua di dalam perkembangan kebudayaan manusia. Apabila kita mengkaji perkembangan bentuk dan tradisi tembikar pra-sejarah di Malaysia, secara tidak langsung kita akan mengkaji sejarah asal usul masyarakat yang menciptakan alat-alat tembikar tersebut. Berdasarkan beberapa kajian sebelum ini, didapati bahawa manusia mula mengenali tembikar tanah sejak zaman Mesoltik iaitu kira-kira 12,000 tahun yang lalu apabila manusia mula membentuk arca haiwan dan tubuh manusia daripada ketulan tanah liat yang tidak dibakar.¹ Namun demikian, setelah manusia mula pandai bercucuk tanam di kawasan-kawasan pedalaman dan juga sudah munculnya tradisi mencari hasil laut di daerah pantai pada zaman pra-sejarah kira-kira 10,000 tahun yang lalu fungsi ketulan tanah liat sudah berubah.² Pada masa ini, manusia mula merasakan bahawa tanah sebagai salah satu alat keperluan yang penting dalam kehidupan mereka untuk dijadikan sebagai bekas menyimpan makanan (*storage vessel*) dan alat untuk menyediakan makanan dalam kehidupan manusia (*cooking vessel*). Justeru itu, ternbikar tanah dianggap sebagai salah satu alat keperluan yang penting bagi kehidupan manusia sejagat, terutamanya apabila dinilai dari aspek kemampuannya serta kegunaannya.

* Penulis adalah Pensyarah di ATMA, Universiti Kebangsaan Malaysia.

1 Rivka Gonen, 1973, *Ancient Pottery*, Cassell & Company Ltd, Britain, hlm. 9.

2 E.J. Gardner, 1978, "The Pottery Technology of the Neolithic Period in Southeastern Europe", dalam *Tesis Ph.D.* University of California, USA . hlm. 142. Lihat juga, R. Weinhold, 1983, *The Many Faces of Clay*, Edition Leipzig, hlm. 12.

Rujukan

Di dalam beberapa kajian yang telah dilakukan pada masa lampau juga menunjukkan bahawa dalam masyarakat yang tertentu, tembika tanah merupakan alat yang dianggap mempunyai fungsi yang tertentu di dalam kehidupan manusia baik dalam kehidupan bersosial, ekonomi ataupun kepercayaan sesebuah masyarakat.³ Dalam kehidupan masyarakat seharian, tembikar tanah sering digunakan, sebagai alat keperluan harian iaitu tempat menyimpan air dan tempat menyediakan bahan makanan.⁴ Bagi masyarakat yang menganut kepercayaan tertentu pula, fungsi tembikar tanah amat penting bagi mereka. Tembikar tanah sering dijadikan sebagai alat kelengkapan pelbagai upacara yang berhubung dengan kepercayaan masyarakat tersebut. Pada zaman pra-sejarah, tembikar tanah dianggap sebagai satu benda yang memiliki nilai agama yang sangat tinggi oleh masyarakat itu. Dalam upacara pengkebumian masyarakat pra-sejarah, tembikar tanah sering dijumpai bersama-sama dengan mayat sebagai bahan kubur (*burial - gift*) atau sebagai bekas pengkebumian mayat (*jar - burial*).

Tembikar tanah biasanya dihasilkan daripada bahan asas iaitu tanah liat. Bahan asas ini mudah diperolehi di mana-mana, mudah dibentuk, murah serta banyak. Prinsip dasar mengenai penghasilan tembikar tanah hampir sama sejak dari zaman pra-sejarah lagi. Ini adalah kerana bahan asasnya terdiri daripada liat lalu dibentuk menjadi benda yang diinginkannya, setelah alat tembikar tanah dibentuk dikeringkan dan dibakar untuk menghasilkan sesuatu bekas yang kekal.

Di Malaysia, banyak serpihan-serpihan tembikar tanah pra-sejarah ditemui ditapak zaman Neolitik. Justeru itu, dalam mengkaji perkembangan bentuk dan tradisi tembikar pra-sejarah di Malaysia, secara tidak langsung kita akan menyungkil sejarah asal-usul masyarakat yang menciptakan alat-alat tembikar tersebut iaitu masyarakat Neolitik.

Tinggalan-tinggalan tembikar tanah masyarakat pra-sejarah ini boleh dilihat di beberapa buah tapak arkeologi di Malaysia. Di Semenanjung Malaysia misalnya, tapak-tapak arkeologi seperti Gua Cha di Kelantan, Gunung Senyum dan Gua Kechil di Pahang, Gol Bait, Gua Kajang, Gua Harimau, Gua Kelilawar dan Gua Badak di Perak, Bukit Tengku Lembu di Perlis, Gua Kerbau dan Gua Taufan di Kedah, Jenderam Hilir di Selangor dan di beberapa lagi kawasan yang lain.

Tapak pra-sejarah di Sabah dan Sarawak pula adalah Gua Niah di Miri, Gunung Mulu, Lobang Angin, Gua Sarang di Tatau, Gua Bungoh di Bau, Gua Sireh di Serian Sarawak juga dan ditapak tersebut ditemui serpihan-serpihan tembikar tanah zaman pra-sejarah. Di Sabah, tapak-tapak seperti Agop Atas, Agop Alang, Agop Sarapad Hagop Bilo di Baturong, Pusu Lumut di Tapadong, Pulau Burong di Labuan, Pusu Samang Tas di Madai dan beberapa tapak lain terdapat pecahan serpihan-serpihan tembikar tanah.

3 Anna O. Shepard, 1965, *Ceramics for the Archaeologist*, Publication 609, Canergic Institution Washington, hlm. 348-352.

4 Santoso Soegondho, 1995, *Tradisi Gerabah di Indonesia : Dari Masa Pra-sejarah Hingga Kini*, PT. Dian Rakyat, Jakarta, hlm. 1.

Kebiasaannya, serpihan-serpihan tembikar yang ditemui di tapak-tapak arkeologi pra-sejarah di Malaysia ini terdapat di tiga kawasan utama. Kawasan-kawasan tersebut ialah di mulut gua, kawasan lindungan batu dan di tebing-tebing sungai. Di mulut gua ataupun di lindungan batu biasanya pengkaji-pengkaji menemui serpihan tembikar tanah pada lapisan antara 30-40 sentimeter dari permukaan tanah. Kadang-kala serpihan-serpihan tembikar ini juga ditemui bertaburan di atas permukaan gua. Artifak-artifak lain yang ditemui bersama-sama dengan serpihan-serpihan ini biasanya terdiri daripada sisa-sisa makanan, alat-alat batu yang sudah digilap dan juga cengkerang. Tembikar tanah juga ditemui di kawasan-kawasan perkuburan. Tembikar tanah di kawasan perkuburan biasanya berada di dalam keadaan yang lengkap dan tertanam bersama-sama dengan mayat manusia. Kesan-kesan peninggalan yang sedemikian kita boleh lihat di Gua Cha Kelantan, Bukit Tengku Lembu di Perlis dan Gua Harimau di Perak. Manakala di Sarawak pula terdapat di Gua Niah.

Pentarikhan mutlak untuk tembikar-tembikar pra-sejarah di Malaysia masih kurang. Hanya beberapa kawasan sahaja yang dikenal pasti mempunyai pentarikhan untuk tembikar pra-sejarah. Antaranya adalah Gua Teluk Kelawar (6890 +/- 80 B.P), Gua Harimau (4929 +/- 270 B.P) di Perak, Gua Taat di Terengganu (2630 +/- 80 B.P), Gua Sagu di Pahang (1240 +/- 120 B.P), Gua Cha di Kelantan (3020 +/- 270 B.P), Gua Sireh (3990 +/- 230 B.P), Gua Niah (ca. 3450 B.P dan ca. 2950 B.P) di Sarawak dan Bukit Tengkorak (ca. 3000 B.P), Agop Atas (ca. 2800 B.P) serta Agop Bilo (ca. 1110 +/- 80 B.P) di Sabah.

Daripada pentarikhan tersebut, didapati bahawa pentarikhan untuk tembikar pra-sejarah di Semenanjung Malaysia lebih awal berbanding dengan Sabah dan Sarawak. Namun demikian, kebanyakannya pentarikhan radio karbon untuk tembikar pra-sejarah di Malaysia, diukur berdasarkan kepada pentarikhan yang dilakukan ke atas arang, sisa-sisa makanan seperti tulang dan cengkerang.

Terdapat pelbagai bentuk dan ukiran pada tembikar pra-sejarah di Malaysia. Namun demikian bentuk dan ukiran yang terdapat pada tembikar pra-sejarah ini umumnya akan dikelompokan kepada 4 kawasan yang penting agar ianya dapat dibandingkan antara satu sama lain. Kawasan tersebut ialah seperti di Gua Cha, Kelantan dan Bukit Tengku Lembu, Perlis, yang mewakili kelompok kajian tembikar pra-sejarah bahagian Semenanjung Malaysia manakala Gua Niah di Sarawak dan Madai - Baturong di Sabah akan dijadikan kawasan kelompok kajian tembikar pra-sejarah bagi Malaysia Timur.

Dari segi bentuk, *carinated bowls*, *footed vessels*, *round* dan *flat-bottomed vessels* yang ditemui di Gua Cha dan di beberapa tempat lain di Semenanjung juga ditemui di Gua Niah, Sarawak dan Agop Atas di Sabah. Namun demikian terdapat juga beberapa jenis bentuk seperti "*the peculiar single and double spouted vessels*" yang ditemui di Gua Niah dan Lobang Angin Sarawak, tidak ditemui di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Selain dari itu tembikar yang berbentuk *shape of flasks* dan *burial jars* yang ditemui di Sarawak dan Sabah tidak ditemui di

Semenanjung Malaysia. Manakala bentuk tembikar yang berkaki *pot - stands*, *globlets* dan *trumpet shaped* yang ditemui di Gua Cha , Bukit Tengku Lembu dan Gua Harimau di Semenanjung Malaysia tidak ditemui di Sabah dan Sarawak.

Justeru itu apa yang menarik di sini ialah wujudnya kepelbagaiannya bentuk tembikar pra-sejarah serta sesetengah bentuk - bentuk ini hanya wujud atau lebih dominan di Semenanjung Malaysia sementara bentuk-bentuk yang lain pula hanya wujud serta dominan di Sabah dan Sarawak. Namun demikian apa yang jelas di sini ialah bentuk-bentuk yang membezakan jumpaan-jumpaan tembikar tanah di Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak ialah di Semenanjung terdapat tembikar yang berkaki *tripod vessels* manakala di Sabah dan Sarawak pula tidak begitu.

Dari segi ukiran pula, jenis-jenis corak permukaan tembikar pra-sejarah di Malaysia secara umumnya boleh dikelompokan kepada 5 kelompok corak ukiran. Kelompok-kelompok tersebut ialah seperti berikut:-

- 1) Corak captali, cap anyaman bakul, cap anyaman tikar, cap kulit kerang dan cap gigi sikat dan biasanya cap-cap ini dihasilkan melalui kaedah menekap dengan menggunakan kayu penekap (*bound paddle impressed*).
- 2) Corak-corak yang dihasilkan dengan menggunakan kayu penekap berukir (*carved paddle impressed*).
- 3) Corak berkelar berbentuk garisan bengkang bengkok, garisan spiral, silang menyilang, garisan melengkung, bentuk-bentuk segi tiga, segi empat dan bulatan.
- 4) Tembikar berkilat serta tidak mempunyai corak (*plain burnished*).
- 5) Corak kelar bercat.

Corak captali mendominasi jenis corak-corak tembikar pra-sejarah yang dijumpai di Semenanjung Malaysia. Lebih 90% corak captali ini ditemui di Semenanjung seperti di Gua Cha, Bukit Tengku Lembu, Gua Kechil, Lenggong, Kodiang dan lain-lain. Namun demikian di Malaysia Timur pula, tembikar bercorak captali adalah kurang daripada 10% daripada seluruh tembikar yang ditemui terutamatnya di tapak arkeologi Gua Niah di Sarawak dan Gua Tapadong di Sabah. Dipercayai bahawa corak captali merupakan corak yang mula-mula sekali diciptakan untuk menghiasi permukaan-permukaan tembikar tanah.

Di Sarawak, tembikar tanah pra-sejarah yang ditemui biasanya bercorak plain atau polished atau diukir dengan *carved - paddle impressed*, *bound - paddle impressed* dan *incised designs*. Corak-corak tembikar seperti ini biasanya ditemui di Gua Niah, Gua Sireh, Lobang Angin, Gua Bungoh dan Tanjung Kubor.

Di Sabah, terdapat sembilan jenis corak atau ukiran tembikar pra-sejarah yang telah dikenal pasti oleh Bellwood.⁵ Antaranya ialah:-

⁵ Peter Bellwood, 1998, "Archaeological Research in South-eastern Sabah", dalam, *Sabah Museum Monograph*, 2, Kota Kinabalu, hlm. 175.

- 1) *Red slip on the vessel interior*
- 2) *Red slip on vessel rim*
- 3) *Red slip on interior*
- 4) *Simple tool incision and impression*
- 5) *Multi-line incision*
- 6) *Paddle impression (carved or cord-bound paddle)*
- 7) *Lip notching and scalloping*
- 8) *Carination notching and scalloping*
- 9) *Deep vertical scalloping on a direct rim.*

Agak sukar bagi kita untuk mengetahui apakah teknik dan kaedah yang digunakan oleh masyarakat pra-sejarah dalam menghasilkan tembikar tanah. Namun demikian, kesukaran tersebut dapat diatasi sekiranya kita dapat memahami bentuk kebudayaan manusia zaman Mesolitik akhir (Hoabinh) serta zaman Neolitik kerana pada zaman-zaman tersebut masyarakat pra-sejarah mula tahu menghasilkan tembikar. Berdasarkan ruang lingkup tamadun manusia zaman pra-sejarah yang terbatas dari segi sains dan teknologi adalah diramalkan bahawa pada peringkat awal manusia pra-sejarah manghasilkan tembikar tanah adalah dengan menggunakan kaedah acuan. Batu-batu berbentuk bulat dan apa juga objek yang berbentuk bulat yang dipungut dari hutan, digunakan sebagai acuan untuk membuat tembikar. Walaupun pada masa itu mereka sudah tahu menggunakan api tetapi mereka belum lagi dapat mencipta dapur pembakaran yang bersistem. Kemungkinan mereka juga menggunakan api tetapi dalam konteks yang terlalu mudah. Meraka juga bergantung kepada sinaran pancaran cahaya matahari semasa, mengeringkan tembikar-tembikar tanah yang sudah dibentuk. Kaedah seperti ini diertikan sebagai kaedah yang paling konservatif

Apabila manusia pra-sejarah lebih maju, mereka tejah menggunakan kaedah membentuk tembikar tanah dengan tangan. Mereka akan menggunakan kemahiran tangan dengan bantuan beberapa alat tertentu, misalnya kayu pernukul (*wooden stick or paddle*) dan batu *anvil* iaitu batu berbentuk bulat atau berbentuk bola. Kaedah ini juga dikenali sebagai metode *anvil pemukul*. Kaedah membuat tembikar menggunakan tangan ini adalah berdasarkan kepada cara tradisional yang dilakukan oleh masyarakat asli terutamanya yang tinggal di Malaysia Timur seperti masyarakat Iban, Murut dan Bajau. Kemungkinan cara-cara yang digunakan oleh masyarakat tersebut adalah warisan dari nenek moyang mereka pada zaman pra-sejarah dahulu.

Selain dari kaedah-kaedah yang dinyatakan di atas, masyarakat pra-sejarah di Malaysia juga menggunakan kaedah-kaedah lain seperti kaedah gelungan, kaedah segmentasi dan akhir sekali ialah *potter's wheel*. Di antara kesemua kaedah yang dinyatakan di atas, kaedah *potter's wheel* merupakan kaedah yang paling efisien dalam menghasilkan tembikar pra-sejarah di Malaysia.

Secara kasarnya fungsi serta peranan tembikar pra-sejarah yang terdapat di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua iaitu alat yang bermanfaat untuk kehidupan

manusia (*utilitarian*) dan alat sebagai keperluan di dalam upacara keagamaan (*ceremonial*).


Tembikar tanah jenis periuk, kendi, labu, cawan, piring dan tempayan sering digunakan oleh manusia sebagai alat keperluan umum sehari harian seperti untuk memasak, sebagai bekas untuk meletak serta menyimpan makanan, alat sebagai menyediakan makanan dan alat untuk menyimpan serta mengambil air.

Hampir keseluruhan tembikar yang digunakan oleh masyarakat pra-sejarah dianggap bermanfaat untuk kehidupan mereka. Periuk, piring, cawan, kendi dan tempayan ada hubung kaitnya dengan keperluan manusia pada makanan. Selain dari itu penggunaan tembikar tanah sebagai upacara keagamaan atau kepercayaan sesebuah masyarakat pra-sejarah di Malaysia amat terkenal. Di Gua Cha Kelantan, Gua Niah Sarawak dan Pulau Kalumpang Perak misalnya ada peninggalan-peninggalan tembikar-tembikar tanah masyarakat pra-sejarah yang dijumpai tertanam bersama-sama dengan mayat.

Apabila kita mengkaji masyarakat pra-sejarah di mana juga, kita tidak boleh lari dari mengkaji peninggalan-peninggalan budaya masyarakat tersebut. Dengan mengkaji tembikar pra-sejarah yang terdapat di Malaysia, secara tidak langsung kita boleh mengungkapkan kembali kehidupan manusia zaman silam yang memperlihatkan satu urutan yang bermula dengan mundur dan akhirnya maju. Perkembangan-perkembangan ini boleh dilihat dari pelbagai sudut. Antaranya ialah dari sudut penghasilannya, teknik pembakarannya, teknik ukirannya serta fungsi dan peranan tembikar tersebut.



Tembikar Bahagian Badan Benhias di Gua Tukay.



Guar Gelok.



Tembikar Tanah di Gua Gelok, Perak.

Berkandungan pada bagian dalamnya sejumlah sisa kerangka ikan yang masih terdapat pengaruhnya teknik pembuatan tembikar ini sama dengan tembikar tanah yang ditemukan di dalam gua.



Gol Bait, Perak.

Bibliografi

- Bellwood, P.S. "Archaeological Research in South-Eastern Sabah dalam". *Sabah Museum Monograph*. 2. Kota Kinabalu. 1988.

Gardner, E.J. "The Pottery Technology of the Neolithic Period in Southeastern Europe". dalam. *Tesis Ph.D.* University of California. USA. 1978.

Gonen Rivka. *Ancient Pottery*. Cassell & Company Ltd. Britain. 1973.

Santoso Soegondho. *Tradisi Gerabah di Indonesia: Dari Masa Pra-sejarah Hingga Kini*. P.T. Dian Rakyat. Jakarta. 1995.

Shepard, Anna O. *Ceramics for the Archaeologist*. Publication 609. Canergic Institution. Washington. 1965.

Weinhold, R. *The Many Faces of Clay*. Edition Leipzig, 1983.